

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberikan pinjaman kewangan kepada Air Selangor untuk membantu meningkatkan kapasiti bekalan air; dan
- (b) jumlah dan garis masa untuk sokongan kewangan tersebut, jika ada.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air pada 2019, maka bantuan kewangan yang disediakan kepada Air Selangor dalam dua (2) bentuk:

- (i) Pinjaman melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi pembangunan aset-aset air seperti loji rawatan air, penukaran dan penggantian paip, pembinaan tangki simpanan dan sebagainya. Pelaksanaan projek-projek ini penting bagi menjamin kelangsungan bekalan air dari segi peningkatan rizab margin,

pengurangan NRW dan kedudukan kewangan lebih kukuh kepada Air Selangor; dan

- (ii) Peruntukan secara geran bagi pembangunan projek sumber air seperti empangan, takungan air pinggiran sungai (TAPS), baraj dan sebagainya yang penting bagi memastikan kelangsungan sumber air dalam jangka panjang.

2. Penyaluran pinjaman oleh PAAB kepada Air Selangor akan dibuat berdasarkan kepada perancangan dalam Pelan Perniagaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Aset-aset ini kelak akan dipajakkan kepada Air Selangor untuk operasi dan penyelenggaraan.

3. Manakala peruntukan secara geran akan disediakan berdasarkan perancangan Air Selangor yang dikemukakan kepada KASA bagi setiap *Rolling Plan* Rancangan Lima Tahun Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.